

19 SEP 1997

Anwar-jerebu

THAILAND SEDIA BANTU ATASI JEREBU

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

BANGKOK, 19 Sept (Bernama) -- Thailand sedia membantu negara-negara Asean yang menghadapi masalah jerebu dengan menghantar pesawat mengangkut air bagi memadam kebakaran hutan di Indonesia yang menjadi punca masalah itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata di sini, Thailand berjanji untuk menghulur bantuan berdasarkan semangat dan kerjasama Asean.

Tawaran itu dibuat oleh Perdana Menteri Thailand, Chavalit Yongchaiyudh ketika Anwar mengunjunginya sempena Persidangan Pertama Menteri-menteri Kewangan Asia-Eropah di sini hari ini.

Anwar memberitahu wartawan Malaysia bahawa beliau berbincang secara tidak rasmi dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Thailand, Indonesia dan Singapura mengenai masalah jerebu.

Keadaan jerebu yang teruk melanda Malaysia dan Singapura dikatakan berpunca daripada kebakaran ratusan ribu hektar hutan di Kalimantan dan Sumatera.

Keadaan jerebu di Sarawak menjadi begitu buruk pagi ini hingga memaksa negeri itu diletakkan di bawah keadaan Darurat Jerebu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan keadaan darurat itu di Kuala Lumpur, juga telah berkata bantuan akan dipohon dari beberapa negara untuk mengatasi masalah jerebu yang sedang melanda Malaysia, Indonesia dan negara-negara jiran sejak beberapa bulan lepas.

Anwar berkata Menteri Kewangan dari Jepun, Thailand, Indonesia dan Singapura turut bersedia untuk berkerjasama bagi mengatasi masalah itu. --
BERNAMA

MFJ MAI